

29 MAY 1999

Mahathir-Timur

DASAR PANDANG KE TIMUR PALING BERJAYA DARI SEGI PEMINDAHAN TEKNOLOGI

Oleh Khairdzir Yunus

NAGOYA, 29 Mei (Bernama) -- Penghantaran pelajar Malaysia terutama ke Jepun di bawah Dasar Pandang Ke Timur disifatkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai paling berjaya daripada segi pemindahan teknologi berbanding penghantaran mereka ke Eropah dan negara-negara lain.

Perdana Menteri berkata walaupun ramai orang berkata bahawa negara Eropah lebih mudah memindahkan teknologi mereka tetapi ternyata Dasar Pandang Ke Timur lebih berjaya dalam soal itu.

Sebagai contoh, katanya, Malaysia kini boleh disenaraikan sebagai negara membangun yang memiliki teknologi yang maju dalam bidang kejuruteraan automotif setanding dengan negara pengeluar kereta dunia.

"Tambahan pula kejayaan itu dicapai dalam masa 13 tahun, satu masa yang amat singkat," katanya menjawab soalan semasa perjumpaan beliau dengan para penuntut Malaysia di sini, hari ini.

"Dalam bidang kejuruteraan automotif ini, tidak ada sesiapa yang dapat menafikan kita mempunyai teknologi yang cukup tinggi. Tidak ada negara membangun lain yang mempunyai teknologi seumpama yang kita miliki," katanya.

Dr Mahathir, yang dalam rangka lawatan tujuh hari ke Jepun, memulakan lawatannya ke bandar raya pelabuhan ini sebelum berlepas ke Tokyo pada Rabu ini.

Setakat ini, 16 kumpulan pelajar Malaysia telah dihantar bagi melanjutkan pelajaran atau menambah kecekapan di Jepun. Kebanyakan mereka menuntut dalam bidang kejuruteraan terutamanya mekanikal.

Perdana Menteri berkata semasa Malaysia mula mengeluarkan kereta nasional Proton dengan kerjasama pengeluar kereta Mitsubishi dari Jepun, hanya 18 peratus daripada komponen kereta itu buatan dalam negara.

Kini, hampir keseluruhan komponennya dibuat di dalam negara kecuali enjin dan sistem transmisinya, kata beliau.

Dr Mahathir berkata adalah menjadi perkara biasa pemilik teknologi tidak memindahkan keseluruhan teknologi yang dimilikinya tetapi sekurang-kurangnya ilmu yang diterima itu membolehkan Malaysia mengenal pasti teknologi yang diinginkan dan mencarinya daripada pihak yang lain.

Ketika ditanya sama ada kerajaan akan meneruskan Dasar Pandang Ke Timur dalam keadaan negara dilanda kegawatan ekonomi, Perdana Menteri berkata kerajaan memang ingin meneruskan program itu tetapi keadaan sekarang menyebabkan kosnya menjadi lebih tinggi.

Menurutnya kerajaan akan mencari jalan untuk menyambung program itu tetapi dengan kos yang lebih murah misalnya dengan mengadakan program berkembar yang dapat dijalankan di dalam negara.

"Sebenarnya kita ingin menambah lagi bilangan pelajar di bawah program ini kerana ia telah memberi kemahiran yang cukup baik kepada para pelajar terutama daripada segi etika kerja, lebih baik berbanding dengan pelajar-pelajar yang dihantar ke negara lain," kata beliau.

Turut hadir pada majlis itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan Duta Besar Malaysia ke Jepun Tan Sri Haji Muhammad Khatib Abdul Hamid.

-- BERNAMA

KHY NAK